



Nestlé®

Good food, Good life

## TERMA DAN SYARAT

### A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <b><u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
2. <b><u>Promosi:</u></b>	PERADUAN NESTLE PROFESSIONAL RASA RASA MALAYSIA.
3. <b><u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 19/07/2021 dan ditutup jam 23:59:59 pada 19/09/2021.
4. <b><u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini terbuka Promosi ini dibuka kepada semua penduduk individu Malaysia dengan dokumen pengenalan yang sah, yang berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <b><u>Permainan &amp; Hadiah:</u></b>	<p>a. Promosi adalah permainan telefon bimbit ["Permainan"] untuk pengguna bermain dan berpeluang memenangi hadiah. Berikut adalah hadiah yang boleh dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Lapan belas [18] Basikal Lipat Marsstar [2007 Talus-X].</li><li>Lima puluh [50] e-wallet bernilai RM50 setiap satu.</li><li>Satu ratus [100] e-wallet bernilai RM30 setiap satu.</li><li>Tiga ratus [300] e-wallet bernilai RM10 setiap satu.</li><li>Dua ribu [2000] e-wallet bernilai RM5 setiap satu.</li></ol> <p>b. Hadiah e-wallet berupa SAMA ADA e-wallet GrabPay ATAU e-wallet Touch 'n Go. Penganjur akan memberikan hadiah-hadiah e-wallet menurut kepada lokasi outlet, dimana Pemenang membuat pembelian.</p>
6. <b><u>Kaedah Penyertaan:</u></b>	<p>a. Untuk turut serta dalam Promosi ini, beli mana-mana Minuman NESTLE PROFESSIONAL ["Minuman"] berikut yang turut serta dari mana-mana outlet ["Outlet"] yang turut serta semasa Tempoh Promosi. Minuman adalah seperti yang tertera di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>MILO</li><li>Neslo</li><li>NesCham</li><li>NESTEA Teh Tarik</li><li>NESCAFÉ White Coffee</li></ol> <p>b. Untuk senarai lengkap Outlet yang mengambil bahagian sila log masuk ke Laman Web Promosi: <a href="https://www.dearnestle.com.my/np-rasa-rasa-malaysia-contest">https://www.dearnestle.com.my/np-rasa-rasa-malaysia-contest</a>. Senarai Outlet yang mengambil bahagian akan dikemas kini secara berkala. Peserta dinasihatkan untuk merujuk senarai sekerap mungkin untuk kemas kini yang terkini. Semua Outlet yang mengambil bahagian akan memaparkan bahan Promosi dagangan di Outlet mereka</p>

sepanjang Tempoh Promosi.

- c. Peserta dikehendaki untuk HANYA menggunakan telefon bimbit mereka untuk mengambil bahagian dan bermain Permainan. Peserta mesti mengimbas Kod QR yang ditunjukkan pada bahan Promosi dagangan yang disediakan atau dipamerkan di Outlet. Peserta boleh meminta bantuan daripada pengendali Outlet untuk mengakses Kod QR. Mikrosit permainan akan dikendalikan oleh Pembekal Perkhidmatan Penganjur.
- d. Bukti pembelian yang diperlukan adalah satu [1] resit pembelian bercetak tunggal yang dikeluarkan oleh Outlet semasa Tempoh Promosi ["Resit"]. Resit mesti mengandungi pembelian Produk, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo outlet ["Butiran Resit"]. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicop dengan cap rasmi syarikat Outlet tempat di mana pembelian dibuat.
- e. **Setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penyertaan sahaja.**
- f. Hantar Resit melalui Mikrosit Promosi:
  - i. Imbas kod QR menggunakan telefon bimbit anda.
  - ii. Lengkapkan butiran yang diperlukan ["Butiran Peribadi"] dalam borang pautan ["Borang"] yang disediakan.
  - iii. Tulis di depan Resit nama penuh dan nombor pengenalan anda.
  - iv. Tangkap satu [1] gambar Resit yang jelas dan boleh dibaca lengkap dengan Butiran Resit dalam format imej dengan ukuran fail minima 30kb dan ukuran fail maksima 6mb ["Imej"].
  - v. Satu [1] Imej mesti mengandungi gambar satu [1] Resit sahaja.
  - vi. Muat naik Imej di pautan dan hantar.
  - vii. Setelah penyertaan berjaya, Peserta akan diarahkan untuk mengambil bahagian dalam Permainan.
- g. Cara Bermain Permainan:
  - i. Tekan dan putar roda. Roda akan berhenti berpusing dan jarum akan menunjuk ke arah kotak di roda. Setiap Peserta akan diberikan satu [1] cubaan sahaja.
  - ii. Sekiranya Peserta gagal, satu mesej akan muncul untuk memberitahu Peserta dan Peserta kini boleh keluar.
  - iii. Sekiranya Peserta berjaya, satu mesej akan muncul untuk memberitahu Peserta untuk menjawab satu [1] soalan betul atau salah.
  - iv. Sekiranya Peserta menjawab dengan tepat, Hadiah yang berpotensi dimenangi akan ditunjukkan. Satu mesej akan muncul untuk memberitahu Peserta bahawa Penyertaan akan disahkan dan Peserta akan menerima satu mesej melalui WhatsApp dalam tempoh 14 hari sekiranya Bukti Pembelian dan Butiran Peribadi adalah sah. Peserta kini boleh keluar.
  - v. Sekiranya Peserta gagal menjawab dengan tepat, satu mesej akan

	<p>muncul untuk memberitahu Peserta dan Peserta kini boleh keluar.</p> <p>h. Penganjur akan mengekstrak semua Resit yang diterima untuk proses dan pengesahan selanjutnya.</p> <p>i. Peserta TIDAK DIBENARKAN menuntut Hadiah dan Penganjur berhak membatalkan penyertaan yang menang dalam keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Imej Resit yang dihantar diduplikasi, digunakan semula, tidak dapat dibaca, tidak lengkap, tidak jelas, mengandungi lebih daripada satu [1] Resit dan bukan dalam format yang ditentukan;</li> <li>ii. Imej Resit tidak memenuhi syarat penghantaran yang dinyatakan di sini;</li> <li>iii. Maklumat Peribadi yang tidak lengkap atau tidak betul diberikan; dan/atau</li> <li>iv. kelayakan Peserta tidak mematuhi syarat di bawah Promosi ini.</li> </ul> <p>j. Penganjur berhak untuk meminta bukti Resit asal [salinan cetak] termasuk dokumen pengenalan untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan mana-mana dokumen di atas akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan hadiah.</p>
<p><b>7. <u>Tarikh Tamat Penyertaan:</u></b></p>	<p>Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 19/09/2021. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p><b>8. <u>Terma Tambahan:</u></b></p>	<p>a. Pembekal Perkhidmatan Penganjur akan menghubungi semua Pemenang yang telah disahkan dan berjaya melalui WhatsApp ke nombor telefon bimbit yang diterima oleh Penganjur dalam Borang. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>b. Pihak Penganjur akan menghantar semua mesej WhatsApp dari nombor: <b><u>018-388 3533</u></b>.</p> <p>c. Setiap Peserta hanya boleh memenangi sepanjang Tempoh Promosi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. satu [1] Basikal Lipat Marsstar [2007 Talus-X]; dan</li> <li>ii. e-wallet bernilai maksima RM100 walaupun seberapa jumlah hadiah e-wallet yang dimenangi oleh Peserta.</li> </ul> <p>d. Semua Basikal Lipat Marsstar [2007 Talus-X] akan dihantar ke alamat yang diberikan oleh Pemenang melalui WhatsApp.</p> <p>e. Semua kod pin e-Wallet akan didebitkan terus ke akaun eWallet pemenang dalam nombor telefon bimbit yang diberikan oleh Pemenang dalam Borang oleh Pembekal Perkhidmatan Penganjur.</p> <p>f. Semua hadiah akan dihantar kepada pemenang dalam masa 6-8 minggu</p>

	<p>dari 19/09/2021. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas 31/12/2021 akan dibatalkan.</p> <p>g. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk melanjutkan jangka masa yang difikirkan perlu oleh Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya hadiah tidak diterima atau ditangguhkan penghantarannya kepada Peserta.</p> <p>h. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah dan terma dan syarat yang disertakan pada Hadiah, jika ada.</p> <p>i. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk menggantikan mana-mana Hadiah yang dinyatakan dengan Hadiah lain yang serupa, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Semua Hadiah disediakan berdasarkan "sedia ada" dan tidak boleh ditukar dengan kredit, barangan lain atau baucar sama ada sebahagian atau keseluruhan.</p>
--	--

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di <https://www.dearnestle.com.my/np-rasa-rasa-malaysia-contest> secara kolektif "Terma dan Syarat", dan akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").

Dengan menyertai Promosi, bermakna anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemrosesan maklumat peribadi anda dalam **Notis Privasi**.

No. Hubungan Khidmat Pelanggan: 1800 88 3433.

---

## B. Syarat-syarat Penyertaan

### 1. Pengenalan

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda"). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila

masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

## **2. Penyertaan Promosi**

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Promosi, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Promosi hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

## **3. Kelayakan**

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Promosi dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

## **4. Tidak layak**

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Promosi dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

## **5. Perlucutan Kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

## **6. Hadiah**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.

6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

**7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

**8. Hak Milik Intelektual**

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat,

## **10. Had Liabiliti**

10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Promosi, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.



- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi disediakan dalam bahawa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

## **12. Notis Privasi**

- 12.2 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di [www.nestle.com.my/info/privay\\_notice](http://www.nestle.com.my/info/privay_notice).
- 12.1 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](http://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).